

Guan Eng kecam 'pembobongan biadab' pro-Umno ganggu anak lelakinya
The Malaysian Insider
18 Oktober , 2011
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 18 Okt — Lim Guan Eng berkata keluarganya kesal dengan "pembobongan biadab" dibawa terhadap anak lelakinya oleh "pihak-pihak kejam yang pro-Umno" sambil merujuk kepada Khairy Jamaluddin dan beberapa pemimpin parti itu yang turut menyebarkan dakwaan dengan komen sinis menerusi blog dan media sosial sejak beberapa hari lalu.

"Saya dan keluarga saya kesal dengan pembobongan dan perbuatan mereka-reka cerita terhadap anak lelaki saya yang kecil adalah sesuatu yang kejam dan keji. Umno seharusnya bertindak terhadap mereka yang cuba untuk menghancurkan kehidupan anak saya dengan pembobongan dan perbuatan mereka-reka cerita dalam usaha mahu memusnahkan saya daripada politik," kata beliau (gambar) dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Dalam kenyataan menggunakan nada yang keras, Ketua Menteri Pulau Pinang ini berkata anaknya terganggu dengan dakwaan disiarkan oleh blog-blog pro-Umno dan tidak hadir di sekolah sejak beberapa hari lalu.

"Saya menggesa pihak-pihak pro-Umno yang kejam jangan mengganggu anak-anak saya yang kecil. Jika anda mahu menghabiskan saya, buat yang terburuk ke atas saya, biarkan anak-anak saya yang kecil," katanya lagi.

Beliau yang juga Setiausaha Agung DAP menggesa kepimpinan Umno mengambil tindakan ke atas ahli-ahli partinya yang didapati menyebarkan khabar angin.

Beliau memberi amaran akan mengambil tindakan susulan ke atas pihak-pihak berkenaan.

"Buat masa sekarang, saya dan isteri saya sedang berusaha untuk memulihkan anak kecil saya dan berdoa agar dia dapat kembali pulih daripada gangguan disebabkan oleh pihak-pihak kejam pro-Umno ini," katanya lagi.

Semalam, Khairy menulis, "mungkin dia roboh Kampung Buah Pala sebab nak ganti dengan Kampung Buah Dada."

Khairy membalas mesej Twitter pemblog pro-Umno PapaGomo.

Dakwaan muncul di blog-blog Umno dengan memfokus kononnya salah laku anak Lim di sekolah dan mendakwa remaja itu menggunakan nama dan kedudukan bapanya untuk melepaskan diri daripada hukuman.

Blog itu mendakwa Lim kemudian memindahkan anaknya ke sekolah lain dan membayar RM200,000 untuk menyembunyikan skandal itu.

"Sedihnya, Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin juga menyertai pembobongan yang memalukan ini dengan mentertawakan anak saya dengan mesej Twitternya," kata Lim hari ini.

"Saya berharap mereka yang mentertawakan anak saya dan menyebarkan pembohongan mengenai anak saya akan mencerminkan diri mereka sebagai seorang bapa dan bertanya sama ada anak mereka sendiri sanggup menderita kerana trauma akibat pembohongan," kata Lim.

Menafikan dakwaan itu, Lim menjelaskan, anaknya telah meminta agar dipindahkan ke St Xavier Institution di Pulau Pinang dari SMK (C) Heng Yee kerana tidak mahu gunting rambut dengan pendek sebagaimana disyaratkan oleh pengurusan sekolah.

Lim berkata beliau telah menjanjikan bahawa akan memindahkan anaknya jika dia memperoleh 6A dalam peperiksaan PMR.

The Malaysian Insider

Copyright © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/guan-eng-kecam-pembohongan-biadab-pro-umno-ganggu-anak-lelakinya/>